

**BN Perak Tidak Akan Fail Petisyen Pilihan Raya  
Bernama  
11 June, 2013**

IPOH, 11 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Perak tidak akan memfailkan sebarang petisyen atau bantahan terhadap keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) 5 Mei lepas.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata BN Perak menerima keputusan yang dibuat rakyat pada pilihan raya umum itu.

"Kita terima keputusan yang dibuat oleh rakyat walaupun kita tahu ada beberapa kawasan yang kita boleh kemukakan petisyen kerana ada kawasan yang mereka (pakatan pembangkang) menang dengan jumlah majoriti undi yang kecil iaitu bawah 1,000 undi seperti di Selinsing," katanya kepada pemberita selepas Hari Bertemu Pelanggan di sini Selasa.

Pengerusi BN negeri itu berkata BN akan menumpukan perhatian untuk meneruskan kerja mentadbir dan membangunkan negeri demi kesejahteraan rakyat.

PAS Perak hari ini menfailkan tiga petisyen PRU13 di Mahkamah Tinggi di sini untuk mengisytiharkan tidak sah dan membatalkan keputusan di tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kerusi DUN berkenaan adalah Manjoi, Lubok Merbau dan Pasir Panjang.

Pada PRU13, BN memenangi 31 daripada 59 kerusi DUN manakala pakatan pembangkang memenangi 28 kerusi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955346>